

05/10/1999

Risiko pelaburan di Afrika menurun berkurangan

RISIKO pelaburan di negara rantau Afrika kini berkurangan berikutan kerancangan pelaksanaan reformasi dalam struktur kerajaan dan perniagaan dalam tempoh lima sehingga 10 tahun lalu.

Wakil Residen Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) bagi Malaysia, Singapura dan Brunei, Phillips Young berkata, berikutan itu, negara di rantau berkenaan kini menawarkan persekitaran yang baik bagi pelaburan langsung asing terutamanya dari negara Asia.

Beliau bagaimanapun berkata, kerancangan pelaksanaan reformasi di Afrika itu tidak diberi publisiti meluas oleh media dan ini menyebabkan negara di rantau berkenaan terus dilihat sebagai mempunyai risiko pelaburan yang tinggi.

"Media hanya menyiarkan berita buruk mengenai Afrika tanpa memberi tumpuan kepada kebaikan yang ada. Ini mengakibatkan pelabur mempunyai tanggapan buruk mengenai negara rantau itu," katanya di sidang media selepas taklimat mengenai Forum Perniagaan Afrika-Asia (AABF) di Kuala Lumpur semalam.

Forum yang akan dianjurkan secara bersama oleh UNDP, kerajaan Malaysia, Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA) Bank Dunia, serta Malaysian South-South Corporation Bhd (MASSCORP) itu akan diadakan selama lima hari bermula 25 hingga 29 Oktober depan di Kuala Lumpur.

Kira-kira 300 syarikat dari negara Afrika dan Asia dijangka menyertai forum yang julung kali diadakan itu.

Setakat ini, 120 syarikat Afrika dan 62 syarikat dari Asia sudah mengesahkan penyertaan mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap tama dan merasmikan forum berkenaan.

Beliau juga dijangka merasmikan Pusat Promosi Perniagaan dan Teknologi Asia Afrika.

Pusat yang akan dikendalikan oleh Sibexlink Sdn Bhd itu diwujudkan selama dua tahun di Kuala Lumpur bagi membantu pelabur Asia mendapatkan maklumat pelaburan di Afrika.

Young berkata, matlamat utama AABF adalah untuk menemukan syarikat Afrika dan Asia bagi menggalakkan pelaburan dan perdagangan di antara mereka.

Melalui cara itu, ia akan mewujudkan peluang dua hala iaitu peluang pelaburan bagi syarikat Asia dan peluang menimba pengetahuan dan kepakaran bagi syarikat Afrika.

"Ia bukanlah satu forum yang mana peserta duduk dan mendengar ceramah pakar antarabangsa, tetapi lebih menumpukan terhadap jaminan peluang perniagaan dan bagaimana mendapatkan pembiayaan bagi membiayai pelaburan itu," katanya.

(END)